

**Janji Pembangkang Naik 15 Peratus Royalti Minyak Mungkin Jadikan Petronas  
Muflis: BN Sabah  
Bernama  
03 Januari, 2013**

KOTA KINABALU, 3 Jan (Bernama) -- Setiausaha Barisan Nasional (BN) Negeri Datuk Abdul Rahman Dahlan mengingatkan rakyat bahawa janji pembangkang untuk menaikkan 15 peratus royalti minyak kepada Sabah akan akhirnya menjejaskan kewangan Petronas "yang boleh membawa kepada muflis".

Beliau menegaskan bahawa berdasarkan formula semasa, bagi setiap RM100 hasil yang diraih dari minyak Sabah, lima peratus akan ke tabung negeri manakala lima peratus lagi kepada tabung Persekutuan.

"Kira-kira 45 peratus masuk ke dalam kos penemuan dan baki 45 peratus kepada keuntungan kasar usaha sama.

"Akhirnya, keuntungan Petronas, selepas mengasingkan hasil dengan yang lain dan selepas membayar cukai, hanya kira-kira 16.74 peratus.

"Jika Petronas diminta membayar sehingga 15 peratus daripada margin keuntungannya, ini akan menyebabkan mereka tidak mampu untuk membayar overhead mereka, komitmen kewangan dan pelaburan semula untuk pendapatan masa depan. Akhirnya akan memberi tamparan kepada kewangan yang boleh membawa kepada muflis," katanya di sini pada persidangan akhbar untuk menjawab propaganda palsu pembangkang menjelang pilihan raya umum.

Abdul Rahman berkata perbelanjaan modal, cabaran teknikal dan risiko kewangan perniagaan Petroleum begitu besar dan terlalu tinggi yang 'hanya syarikat-syarikat yang mempunyai kepakaran khusus dan bank akaun yang baik yang berani untuk menyertainya'.

"Bayangkan usaha yang dilakukan untuk menurunkan paip penggerudian, 4.5 kilometer dari paras laut, dalam persekitaran yang sangat tertekan untuk mencari emas hitam.

"Ia memerlukan peralatan khas yang amat mahal dan kepakaran yang hanya dimiliki peserta utama minyak dunia. Kos penggerudian penerokaan boleh sampai sehingga beratus-ratus juta ringgit yang akan rugi sekiranya tiada minyak ditemui di kawasan pilihan," katanya.

Abdul Rahman berkata Petronas, seperti rakan-rakan di negara membangun yang lain, tidak mempunyai kapasiti untuk menyerap risiko kewangan.

"Ia tidak bersedia secara kewangan untuk membelanjakan berbilion-bilion kepada penyelidikan dan pembangunan serta mengambil risiko kewangan dalam fasa penerokaan dan pengeluaran apabila berbilion-bilion yang sama amat diperlukan untuk dibelanjakan dalam pembangunan negara," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=919230>

